

D'HERBS

MAKIN LUAR BIASA

LELAKI HEBAT INI MEMANG LUAR BIASA PENCAPAIANNYA. DARIPADA ZERO BELIAU KINI ADALAH ANTARA 'HERO' YANG CUKUP MENGAGUMKAN DALAM CARA YANG TERSENDIRI. WALAUPUN BUKAN SEORANG SUPERSTAR MAHUPUN ANAK SENI DALAM DUNIA GLAMOR NAMUN PENGARUHNYA CUKUP LUAR BIASA. JADI TIDAK HAIRANLAH BELIAU DINOBATKAN SEBAGAI ANTARA 15 LELAKI PALING BERPENGARUH DI MALAYSIA OLEH SEBUAH PENERBITAN BARU-BARU INI.

Awal September lalu, HARMONI mengotakan janji untuk sekali lagi menemui usahawan berjaya ini di pejabat barunya yang cukup elegan. Bangunan tersergam indah dengan paparan jenama D'Herbs ini bernilai lebih puluhan juta ringgit dan ia adalah satu lagi penanda aras kepada kejayaannya sebagai seorang usahawan.

Mengikuti dari satu tahap hingga ke tahap sekarang, Dato' Aliff Syukri Kamarzaman, 28, membuktikan beliau tidak pernah omong kosong dalam setiap apa yang telah direncanakan. Selain berjaya dalam impiannya mempelopori industri produk kecantikan dan kesihatan tempatan, Dato' Aliff kini giat melebarkan sayap perniagaannya dalam pelbagai bidang termasuk hartanah.

Berbicara lanjut mengenai projek hartanah pertamanya menerusi Aliff Syukri Properties Sdn. Bhd, projek ini menyasarkan penjualan kondominium mampu milik bagi merealisasikan impian golongan pertengahan yang ingin memiliki kondominium di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur.

"Saya memang sudah lama berhasrat untuk menceburi bidang hartanah. Jika diikutkan sebelum ini saya sudah pun bermula dengan membina 200 unit di beberapa kawasan cuma ia tidak dikomersialkan hanya sekadar untuk disewa. Alhamdulillah dengan sedikit pengalaman dan peluang untuk berkolaborasi





Dato' Alif Syukri ingin menjadi seorang usahawan berjaya.

percaya setiap daripada usahawan perlu mempunyai strategi untuk merealisasikan impian. Bahkan beliau semalaya bersikap optimis di mana ada kemahuan pasti ada jalan sesesorang itu untuk berjaya.

Bagi Dato' Alif, perjalanan beliau sebagai usahawan masih jauh lagi dan banyak perkara yang perlu direncanakan dengan teliti. Tambahan pula dengan cabaran ekonomi semasa yang kurang stabil sudah pasti akan turut menjejaskan bisnes sedia ada.

Tidak mahu mengeluh apatah lagi panik dengan keadaan ekonomi agak perlahan, Dato' Alif mahu melintainya dari perspektif yang lebih positif untuk menghadapinya.

"Krisis ekonomi adalah antara cabaran bagi setiap usahawan tapi itu bukan bermakna kita kena mengalah atau hentikan perniagaan. Sebaliknya ini adalah masa terbaik untuk merencana pelan baru untuk memantapkan bisnes sedia ada ada.

"Seperti mana orang lain, bisnes D'herbs juga turut terjejas tapi apa yang saya boleh katakan, saya tidak bersedih panik dengan menaikkan harga produk dan sebagainya. D'herbs masih mengekalkan harga produk



yang sama di samping memberi diskaun hebat untuk para pelanggan setia. Apabila kita jaga pelanggan, InsyaAllah pelanggan akan terus sokong kita." ujar usahawan muda yang petah ini.

Sebagai usahawan berpengalaman, Dato' Alif turut menasihatkan usahawan-usahawan baru agar bijak merencanakan bisnes dalam situasi ekonomi kurang stabil. Baginya, elakkan melabur dalam skala besar tetapi bermula dengan modal yang kecil dan cuba bertahan.

Bagi membantu lebih ramai bumiputera menyertai bidang perniagaan, Dato' Alif kini giat mengusahakan program Mentor Mientee Terjejak Laris secara percuma yang diadakan di ruang pejabatnya di Kota Damansara. Katanya, ia adalah



InsyaAllah akan diadakan persembahan D'herbs sebagai hadiah kepada orang ramai yang minat menghasilkan produk sendiri.



satu sumbangan yang cuba diberikan kepada orang ramai terutama golongan yang minat berniaga tetapi tiada ilmu dan kekurangan modal.

"Sesiapa sahaja boleh menghubungi kami untuk menyertai program ini. Ia adalah percuma dan kita akan membuat pemilihan kepada mereka yang benar-benar berminat dan layak sahaja. Mereka boleh mendaftar melalui laman facebook dan Instagram kami," ujar beliau sambil menyuarakan rasa kagum dengan sambutan orang ramai terhadap program yang mula diadakan sejak tiga bulan lalu itu.

ROYALISTA DAMANSARA TANDA CINTA
Dalam diam Dato' Alif sebenarnya turut mencuba dalam

bidang perniagaan butik pakaian. Namun katanya, ia bukanlah keutamaannya sebaliknya ia adalah lambang cinta yang tiada berbelai bagi terhadap isteri tercinta, Datin Nur Sharida Mond Rashid. Lantas beliau mengambil keputusan menghadiahkan Butik Royalista Damansara khas untuk mengahaminya. Ternyata butik yang dimulakan dengan operasi online ini mendapat sambutan yang cukup menggalakkan.

"Butik ini saya ciptakan untuk dia kerana saya sukakan sesuatu yang cantik. Biar pun begitu, busana serta tudung yang ada di sini semuanya boleh dimiliki dengan harga mampu milik. Bagi mereka yang ingin mendapatkan koleksi Royalista bolehlah singgah ke laman facebook dan Instagram @royalistadamansara. Kini kami sedang mengubahsuaikan butik dan apabila sudah siap kelak, pelanggan bolehlah datang berkunjung ke butik," ujarnya yang tercalon untuk Putra Brand Award 2015.



Kilang Alif Herbs Manufacturing Sdn. Bhd. membuka peluang kepada orang ramai yang berminat menghasilkan produk sendiri.

BAKAL MUNCUL PROGRAM TALK SHOW

Kepetahannya serta karakter luar biasanya kalia memikat perhatian di hadapan lensa kamera telah membuka peluang kepada beliau untuk muncul di dalam sebuah program Talk Show tidak lama lagi. Ia bagaikan satu kejutan buat beliau yang sememangnya sangat meminati program sebegini.

"Sebenarnya saya sendiri tidak pernah menyangka akan mendapat tawaran seperti ini. Maklumlah saya hanya pandai menjual produk sahaja. Mungkin kerana saya pandai bercakap secara spontan jadi saya berani untuk mencuba peluang ini. Saya juga ada mendapat peluang untuk berlakon namun saya terpaksa menolaknya dengan baik kerana saya memang tiada bakat dalam lakonan dan semestinya saya akan menjadi kekok apabila diberi skrip tetapi insyaAllah apabila diminta berbicara secara spontan dengan tajuk tertentu saya anggap ia sebagai sesuatu yang cukup menarik untuk saya cuba," tutur bapa kepada tiga cahaya mata ini saat bercerita mengenai kehidupan nariannya yang penuh dengan perkara-perkara yang menarik dan mengujakan. H

Handwritten notes at the bottom of the page, including the number '1111111111' and other illegible scribbles.